

Syed Hussein Alatas ilmuwan sejati

Pemikiran terbuka, berani, dahului zaman serlahkan ketokohan Allahyarham

B.M 28/10/07 M/S 11




**DILUAR
LINGKARAN**
Bersama **Johan Jaaffar**
→ e-mel:zulujj@tm.net.my

INTI PATI

Perjuangan Profesor Syed Hussein Alatas

- Turut mencorakkan tradisi pemikiran bangsa dan negara.
- Menulis buku mencabar minda, menggugat pemikiran dan tidak kurang membangkitkan kontroversi dan kemarahan.
- Pernah menjadi aktivis politik, malah seorang pengasas Parti Gerakan pada 1968.
- Anak saudara Allahyarham Datuk Onn Jaaffar, pengasas Umno.
- Berkhidmat di DBP pada 1958, mengetuai unit penyelidikan. Mengajar di Universiti Malaya dari 1963 sehingga 1967, kemudian menjadi Ketua Jabatan Pengajian Melayu di Universiti Nasional Singapura dari 1967 hingga 1978. Naib Canselor Universiti Malaya selama tiga tahun.
- Beberapa buah buku beliau sebenarnya mercu tanda penting dalam sejarah keintelektualan bangsa.



SAYA sering menemui Prof Datuk Dr Syed Hussein Alatas di Amcorp Mall, Petaling Jaya sama ada pada Sabtu atau Ahad. Beliau akan berlegar-legar di 'flea market' kompleks membeli-belah itu sambil meneliti buku terpakai yang dijual. Beliau biasanya akan menghabiskan banyak masa di situ sambil berbual-bual dengan teman dan kenalan. Seperti selalu, bercakap dengan Syed Hussein bermaksud berdiri beberapa lama, dan beliau akan secara bersungguh-sungguh menghujahkan sesuatu.

Pada malam Selasa lalu, Syed Hussein menghembuskan nafasnya yang terakhir. Hilanglah sebutir lagi bintang di langit keilmuan negara. Beliau ialah tokoh pemikir terbilang disegani oleh sarjana serta ilmuwan luar dan dalam negara. Beliau akan sentiasa diingat sebagai orang yang turut mencorakkan tradisi pemikiran bangsa dan negaranya.

Bagi banyak orang, Syed Hussein mempamerkan pelbagai wajah. Sudah tentulah wajah keilmuannya paling menonjol. Beliau menulis pelbagai buku mencabar minda, menggugat pemikiran dan tidak kurang membangkitkan kontroversi dan kemarahan. Banyak orang mungkin lupa bahawa beliau pernah menjadi aktivis politik, malah seorang pengasas Parti Gerakan pada 1968. Parti itu adalah serpihan daripada Parti Buruh yang berkubur. Malah, banyak juga orang yang menuding jari ke

"...Bagi banyak orang, Prof Syed Hussein mempamerkan pelbagai wajah. Sudah tentulah wajah keilmuannya paling menonjol. Beliau menulis pelbagai buku mencabar minda, menggugat pemikiran, malah yang membangkitkan kontroversi dan kemarahan..."

...Selama hampir sepanjang kariernya atau lebih 40 tahun, persoalan rasuah menjadi obsesi beliau..."

...Ditanya mengapa rasuah berleluasa, jawapannya, 'because there is little public anger.'
Apa yang perlu

Juga orang yang menuding jari menyalahkan pembabitan beliau dalam Parti Gerakan – yang bersama DAP – menjadi punca kemarahan orang Melayu pada Mei 1969. Kemenangan pembangkang di Kuala Lumpur yang dirayakan secara melampau menyebabkan tercetusnya Peristiwa 13 Mei tahun itu.

Bagaimanapun, orang juga lupa bahawa beliau ialah anak saudara Allahyarham Datuk Onn Jaafar, pengasas Umno. Malah, apabila Umno ditubuhkan pada 1946 di Johor Bahru, beliau bukanlah terabit sebagai pemerhati atau wakil, sebaliknya membantu menyusun kerusi dan meja untuk majlis yang amat bersejarah itu. Pelajar yang berusia 18 tahun pada ketika itu tentulah turut tertarik dengan apa yang berlaku – lantas mencorakkan sikap dan nilai beliau terhadap politik.

Syed Hussein juga pernah berkhidmat di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada 1958, mengetuai unit penyelidikan. DBP baru berusia dua tahun ketika itu. Dia mengajar di Universiti Malaya (UM) dari 1963 sehingga 1967, kemudian menjadi Ketua Jabatan Pengajian Melayu di Universiti Nasional Singapura dari 1967 hingga 1978. Kemuncak kerjayanya di universiti ialah menjadi Naib Canselor Universiti Malaya (UM) selama tiga tahun mulai 1988.

Beliau akan sentiasa dikenang kerana buku dan tulisan beliau dalam pelbagai jurnal. Malah, beberapa buah buku beliau sebenarnya adalah mercu tanda penting dalam sejarah keintelektualan bangsa. Banyak isu dalam masyarakat disentuh di dalam tulisannya – masalah orang Melayu, soal rasuah, peranan agama Islam dan Dasar Ekonomi Baru (DEB).

- Antara sarjana paling banyak membahaskan persoalan rasuah.
- Menulis sebuah buku membetulkan bias dan prasangka terhadap rakyat pribumi.
- Seorang *contrarian* yang mahu mengajak orang lain berfikir di luar lingkaran.

Beliau antara sarjana yang paling banyak membahaskan persoalan mengenai rasuah. Antara buku dan tulisan penting beliau mengenai rasuah ialah *The Sociology of Corruption* (1968), *The Problem of Corruption* (1986), *Corruption: Its Nature, Causes and Functions* (1990), *Corruption and the Destiny of Asia* (1999) dan *Korupsi*, yang pertama kali terbit di Indonesia pada 1987. Selama hampir sepanjang kariernya atau lebih 40 tahun, permasalahan rasuah menjadi obsesi beliau.

Dalam wawancara dengan sebuah akhbar Inggeris, beliau sekali lagi menegaskan bahawa rasuah adalah 'masalah paling serius di dunia, terutama di Dunia Ketiga.' Beliau berpendapat jika isu rasuah tidak ditangani, isu lain tidak akan dapat diselesaikan. Dalam konteks Dunia Ketiga, rasuah sudah menjadi barah yang serius sekiranya dibiarkan.

Beliau melihat sebahagian besar puncanya daripada pimpinan. Lagi-punca segala kejahatan manusia bermula daripada pemimpin. Jika pimpinannya rasuah, maka rasuah akan menular ke semua tempat. Di-



tanya mengapa rasuah berleluasa, jawapan beliau (dengan izin, memetik ungkapan asalnya dalam bahasa Inggeris), *because there is little public anger*. Apa yang perlu ialah masyarakat menganggap jijik perlakuan itu dan rakyat turut menyatakan kemarahan yang jelas terhadapnya.

Beliau percaya bahawa Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mempunyai keyakinan dan kekuatan politik untuk memerangi rasuah. Bagi beliau, rakyat pula harus mengambil kesempatan untuk bersama-sama dengan Pak Lah menyatakan kebencian terhadap rasuah di negara ini.

Syed Hussein juga menulis sebuah buku yang amat penting bagi membetulkan bias dan prasangka terhadap rakyat pribumi. Buku berjudul *The Myth of the Lazy Native* (1977) menarik perhatian dunia intelektual. Beliau menyangkal teori penjajah bahawa rakyat pribumi pada dasarnya malas. Mitos mengenai pribumi malas ini juga nampaknya dipanjangkan oleh kelompok elitis pribumi sendiri. Beliau melihat bahayanya kenyataan umum dibuat mengenai ke-

malasan pribumi. Beliau mengangap ada faktor sosial dan budaya yang mempengaruhi. Misalnya seorang kakitangan awam yang dilihat tidak membuat kerja dengan cekap dan bersungguh-sungguh bukan disebabkan beliau dilahirkan malas sebaliknya pengawasan yang kurang daripada ketuanya.

Beliau juga banyak menghujahkan mengenai kurangnya wacana intelektual di kalangan rakyat Malaysia. Dalam bukunya, *Intellectuals in Developing Societies*, 1977, (diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu, *Intelektual di Negara Membangun* dan diterbitkan oleh DBP), beliau menghujahkan mengenai kurangnya kelompok yang berfikir (*the thinking group*) di dalam negara ini. Beliau tidak mahu membataskan definisi pemikir atau intelektual pada seka-dar yang mempunyai pelajaran tinggi. Oleh itu, beliau lebih senang memanggil kelompok ini 'intelligensia.'

Kelompok ini tidak perlu datang daripada kalangan sarjana universiti sebab tidak semua mereka boleh dianggap pemikir. Mereka boleh datang

daripada kalangan wartawan, penulis, malah ketua kesatuan sekerja atau ahli politik. Inilah yang sepatutnya menjadi teras 'kumpulan pemikir' itu. Lebih penting lagi, media harus bersimpati terhadap mereka dan media boleh membantu membangkitkan kesedaran umum mengenai tradisi berfikir.

Apa yang berlaku dalam banyak negara membangun ialah kurangnya tradisi 'mengupas' sesuatu isu 'semasa secara mendalam. Kita sering mengambil pendirian pragmatik terhadap sesuatu masalah. Kita perlukan air maka kita buat takungan atau empangan dan salurkan air kepada rakyat. Tetapi tidak ada yang memikirkan bagaimana saluran air itu tidak tercemar, tidak merosakkan alam sekitar, kekal bersih dan yang lebih penting lagi tidak terputus. Ini bukan kerja jurutera dan ahli teknik air. Ia memerlukan pemikiran mendalam dan tuntas.

Demikianlah Syed Hussein dalam beberapa contoh mengajak kita berfikir di luar kotak. Beliau ialah *contrarian* yang mahu mengajak orang lain berfikir di luar lingkaran. Beliau

Apa yang perlu ialah masyarakat menganggap jijik perlakuan itu dan rakyat menyatakan kemarahan jelas terhadapnya..."

"...Beliau percaya bahawa Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mempunyai keyakinan dan kekuatan politik untuk memerangi rasuah..."

"...Beliau menyangkal teori penjajah bahawa rakyat pribumi pada dasarnya malas. Mitos pribumi malas ini juga nampaknya



KEHILANGAN SEBUTIR BINTANG: Pemergian Syed Hussein pada malam Selasa lalu akan sentiasa diingati sebagai orang yang turut mencorakkan tradisi pemikiran bangsa dan negara.

tidak berpuas hati dengan hanya mengiakan pemikiran dalam buku *Revolusi Mental* yang digerakkan Umno atau *The Malay Dilemma* oleh Dr Mahathir Mohamad. Beliau menghasilkan buku *Siapa Yang Salah* (1972) yang mempersoalkan hujah di dalam kedua-dua buku itu.

Beliau juga banyak menulis mengenai Islam. Antara buku terawal beliau ialah *The Democracy of Islam* (1956) yang membincangkan mengenai konsep demokrasi yang bertasarkan pada kepemimpinan bermoral. Sebuah buku lain mengenai Islam dalam bahasa Melayu ialah *Islam dan Masyarakat* (1959) yang juga pengenalan mengenai pemikiran sosial dalam Islam.

Mungkin orang melihat hanya pada tulisannya yang menimbulkan kontroversi atau gagasannya yang luar biasa. Kita harus mengakui bahawa beliau mendahului zamannya dalam banyak hal. Beliau berani menyatakan yang benar, walaupun menjadikan beliau tidak popular. Itulah peranan pemikir, membezakan yang benar dengan yang salah dan menyatakan kebenaran demi kebaikan semua – tanpa takut dan berasa rugi kerana tindakan itu.

Syed Hussein akan diingat sebagai contoh ilmuan sebenar yang mengabdikan dirinya pada tradisi keserjanaan. Bagi teman beliau, Syed Hussein tidak pernah luntur semangatnya untuk meletakkan tradisi ilmu di tempat yang mulia. Bagi bangsanya, beliau bukan saja penelaah dan pengkritik, tetapi juga memberikan penyelesaian dan alternatif. Malaysia kehilangan seorang tokoh yang sebenarnya terbilang dari segi pemikiran dan wibawanya.

dipanjangkan kelompok elitis pribumi sendiri. Beliau melihat bahayanya kenyataan umum dibuat mengenai kemalasan pribumi..."

"...Syed Hussein berani menyatakan yang benar walaupun menjadikan beliau tidak populer. Itulah peranan pemikir, membezakan yang benar dan salah dan menyatakan kebenaran demi kebaikan semua – tanpa takut dan berasa rugi..."